

#### 4.1 Perpecahan membuka Ruang kepada Penjajahan

##### Sarawak sebelum kurun ke-19

- ↳ Sarawak berada di bawah pengaruh kesultanan Brunei.
- ↳ Sultan Brunei membahagikan Sarawak kepada beberapa daerah yang ditadbir oleh ketua tempatan
  - ↳ orang Melayu
  - ↳ orang Dayak.
- ↳ ketua tempatan digelar menteri Darat Temenggung / orang kays.
- ↳ ketua tempatan bertanggungjawab melaksanakan arahan & memungut cukai.

##### Sarawak pada kurun ke-19

- ↳ Sultan Brunei melantik Pangeran Indera mahkota sebagai wakil pemerintah kesultanan Brunei
- ↳ Pangeran Indera mahkota telah mengambil alih kuasa pentadbiran & perdagangan antimonium & emas daripada pembesar Melayu.
- ↳ mengenakan cukai yang tinggi terhadap hasil penduduk tempatan.
- ↳ x memberi upah kepada orang Bidayuh yang bekerja di lombong antimonium
- ↳ pembesar tempatan & orang Bidayuh x puas hati
- ↳ menentang Pangeran Indera mahkota.

#### 4.1 Perpecahan membuka ruang kepada penjajahan

##### Pangeran Raja muda Hashim di Sarawak.

- Sultan Brunei menghantar Pangeran Raja muda Hashim untuk membantu Pangeran Indera mahkota menamatkan kebangkitan tempatan.
- 1840: James Brooke mengunjungi Pangeran Raja muda Hashim & menawarkan bantuan menamatkan kebangkitan.
- kebangkitan dipatahkan.
- Pangeran Raja muda Hashim menawarkan jawatan Gabenor kepada James Brooke tanpa mendapatkan persetujuan Sultan Brunei.
- Pangeran Raja muda Hashim melengahkan langkah pelantikan James Brooke.
- James Brooke membedil bandar Kuching.
- 1841: Perjanjian antara Pangeran Raja muda Hashim dengan James Brooke.
  - \* James Brooke diberi kuasa memerintah Sarawak
  - \* James Brooke berjanji akan memelihara & menghormati undang<sup>2</sup> & adat istiadat Melayu.

→ 1842: Lawatan James Brooke ke Brunei, menghadap Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin

- James Brooke diiringi oleh angkatan laut British dari Singapura yang diketuai oleh Edward Belcher.
- Sultan Omar terpaksa mengiktiraf perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 1841.
- Sultan Omar membuat perjanjian dengan James Brooke:
  - \* Sultan Brunei menyerahkan Sarawak dari kawasan Tanjung Datu ke Sg. Samarahan & menyerahkan segala hasil cukainya kepada James Brooke & pewarisnya.
  - \* James Brooke membaya \$2500 per tahun
  - \* x ganggu agama & adat istiadat penduduk tempatan.
  - \* James Brooke diiktiraf Raja Putih Sarawak.
- 1846: Sultan Omar & pembesar<sup>2</sup> cuba menentang James Brooke tapi gagal, malah terpaksa menandatangani perjanjian.
  - \* James Brooke diiktiraf Raja Sarawak yang merdeka & mempunyai kedaulatan penuh ke atas Sarawak.